

Syor guru diajar undang-undang

NUTP mahu ahli tahu had hukum pelajar

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

KANGAR: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mahu Kementerian Pelajaran memperkenalkan subjek asas perundangan kepada semua bakal guru di maktab dan universiti.

Presidennya, Ismail Nihat, berkata ramai guru terdedah kepada tindakan undang-undang termasuk diseret ke mahkamah oleh ibu bapa kerana menghukum anak mereka.

"Guru terdedah kepada tindakan undang-undang yang dibuat ibu bapa apabila mereka mengambil tindakan terhadap pelajar yang melanggar disiplin sekolah.

"Sepatutnya guru didedahkan dengan aspek perundangan lebih awal mengenai had batasan dan peraturan yang perlu dipatuhi guru," katanya selepas menjadi ahli panel Forum Pendidikan sempena Hari Guru Sedunia di Maktab Perguruan Perlis (MPP) di sini, semalam.

Ismail berkata, walaupun guru diseret ke mahkamah dianggap kes terpencil dalam kerjaya perguruan namun kes itu menyebabkan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan boleh tergang-

gu dan memberi kesan terhadap mutu pengajaran di sekolah.

Katanya, kes yang dibawa ke mahkamah memerlukan banyak masa untuk diselesaikan dan guru yang terbabit terpaksa mengorbankan masa mengajar untuk menyelesaikan kes itu.

"Polis ada mencadangkan kepada NUTP supaya guru didedahkan dengan aspek asas perundangan supaya mereka ada batasan sebelum mengambil tindakan terhadap pelajar.

"Kita mahu Kementerian Pelajaran mengambil kira cadangan ini dengan memasukkan subjek perundangan dalam kursus perguruan kepada semua bakal guru pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung NUTP, Lok Yim Pheng, berkata berdasarkan maklum balas daripada guru lepasan maktab dan universiti, mereka mahukan pendedahan untuk menguruskan disiplin pelajar daripada aspek perundangan dan peraturan.

Katanya, dengan pendedahan itu membolehkan guru bertindak tanpa melebihi batasan di samping mudah untuk mereka menasihatkan pelajar mengenai undang-undang yang berkaitan.